

11 MAR 1999

LEAD Mahathir-Sabah (kunjungan)

DR MAHATHIR BIDAS PBS TUDUH BELIAU DAPAT TANAH DI KENINGAU

KUDAT, 11 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas Parti Bersatu Sabah kerana mengeluarkan pelbagai kenyataan negatif dan palsu berhubung kerajaan dan pemimpin Barisan Nasional bagi tujuan memenangi pilihan raya negeri ini.

Perdana Menteri berkata terdapat tuduhan kononya beliau telah diberi tanah di Keningau semasa lawatannya ke daerah itu baru-baru ini.

"Saya minta kepada PBS supaya jangan bisik-bisik perkara yang sebegini besar. Kalau benar saya dapat tanah, saya minta (Datuk Joseph) Pairin (Kitingan) buat kenyataan secara terbuka kepada semua rakyat bahawa Dr Mahathir dapat tanah di Keningau.

"Tak usahlah pergi ke kampung dan cerita perkara yang tidak benar kepada orang...hanya untuk menghasut dan menimbulkan rasa kebencian terhadap saya, sedangkan saya hanya hendak menolong," katanya ketika berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di sini hari ini.

Dr Mahathir juga menolak dakwaan bekas ketua menteri Datuk Harris Salleh yang kini pemangku presiden Bersekutu, sebuah lagi parti pembangkang, kononnya kerajaan pusat merampas wilayah itu daripada Sabah.

"Kerajaan Sabah yang sewaktu itu dipimpin oleh Datuk Harris yang sebenarnya menyerahkan Labuan kepada kerajaan pusat bagi membolehkan wilayah itu dibangunkan oleh kerajaan pusat melalui peruntukan kerajaan persekutuan," katanya.

Dr Mahathir berharap penduduk Sabah tidak terpedaya dengan dakwah PBS yang hanya cuba untuk membangkitkan isu perkauman di kalangan rakyat tanpa mempunyai rancangan untuk membangunkan negeri itu.

PBS cuba untuk menghasut rakyat supaya menolak peranan kerajaan pusat di Sabah bagi membolehkan pemimpin-pemimpinnya sendiri menguasai sepenuhnya pemerintahan di negeri itu, katanya.

"PBS hendakkan Sabah supaya mereka boleh samun semua kekayaan Sabah khususnya kayu balak bagi diri mereka,"katanya.

Dr Mahathir juga meminta rakyat supaya tidak terpengaruh dengan janji-janji parti pembangkang pada pilihan raya ini yang kebanyakannya dibuat bagi memancing undi seperti tawaran Bersekutu untuk memberikan RM300 setahun kepada rakyat sabah jika parti itu berjaya membentuk kerajaan negeri.

"Mereka hanya nak membeli undi dengan duit Yayasan Sabah. Sebaliknya kita (BN) berjanji memberi biasiswa dan peluang pendidikan dan peluang melanjutkan pelajaran kepada anak-anak yang lebih menguntungkan bagi jangka panjang," katanya.

Rakyat Sabah akan mengundi esok dan lusa bagi memilih 48 wakil ke Dewan Undangan Negeri itu dalam pilihan raya negeri kesembilan ini.

Perdana Menteri meminta rakyat mengundi calon-calon BN dan memastikan BN berjaya membentuk kerajaan negeri supaya perancangan pembangunan di Sabah dapat diteruskan.

Katanya kerajaan pusat yang membelanjakan berjuta-juta ringgit di Sabah setiap tahun mempunyai program pembangunan jangka panjang yang menguntungkan rakyat negeri itu.

"Untuk membangunkan Sabah kita bergantung kepada sokongan rakyat untuk mengundi BN...dan saya berharap rakyat memberikan sokongan penuh kepada BN bagi membentuk kerajaan yang stabil," katanya.

Beliau berkata berbanding parti-parti pembangkang, BN yang terdiri daripada parti-parti komponen yang mewakili semua kaum di Malaysia telah

membentuk sebuah pakatan yang stabil serta menguntungkan semua kaum.

Yang turut hadir ialah calon BN bagi kerusi Kudat Datuk Chong Kah Kiat, calon BN di kawasan Banggi Datuk Amir Kahar Tun Mustapha, calon BN di Bengkoka Masrani Parman, calonnya di Matunggong Datuk Markus Majihi, calon BN di Likas Datuk Yong Teck Lee, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng.

-- BERNAMA

RAR MAI